

# Kerajaan gagal lucut hak RM114j didakwa milik Najib

Pihak pendakwa tak dapat buktikan wang dirampas hasil pecah amanah

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan semalam gagal dalam permohonannya untuk melucut hak wang tunai berjumlah RM114 juta yang disita polis di Pavilion Residence pada 17 Mei 2018, didakwa milik Datuk Seri Najib Razak dan UMNO.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Hussin dalam penghakimannya, berkata mahkamah mendapati pihak pendakwa gagal membuktikan wang dirampas dari sebuah premis milik Obyu Holdings Sdn Bhd itu diperoleh daripada kesalahan pecah amanah.

Katanya, pegawai penyiasat kes pengubahan wang haram iaitu Asisten Komisioner D Rajagopal gagal menunjukkan wang itu adalah harta curi, wang dipindahkan hasil daripada pecah amanah jenayah atau penipuan serta gagal menjelaskan bagaimana pecah amanah jenayah atau penipuan berlaku.

Bagaimanapun, status wang berjumlah RM114,164,393.44 tidak diputuskan selepas tiada sebarang perintah dikeluarkan mahkamah sama ada ia akan dikembalikan kepada pemilik atau disimpan kerajaan.



Najib keluar dari Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Rajagopal gagal mendedahkan dan mengenal pasti siapa diamanahkan dengan wang 1Malaysia Development Berhad (1MDB), siapa yang mempunyai penguasaan dominan ke atas wang 1MDB dan dengan curang menyalahgunakan wang dana itu serta gagal menjelaskan bagaimana Najib adalah ejen 1MDB.

"Mahkamah juga mendapati pemohon gagal membuktikan kaitan antara wang dalam akaun Ambank milik Najib dengan wang yang disita.

"Jadi, saya menolak permohonan pendakwa selaku pemohon untuk melucut hak wang

RM114 juta yang disita polis di Pavilion Residence itu," katanya.

Muhammad Jamil berkata, atasimbangan kebarangkalian, pemohon gagal membuktikan wang disita dikaitkan dengan pengubahan wang haram atau hasil aktiviti haram membabitkan pecah jenayah dan kesalahan menerima harta curi.

Sebaik mendengar keputusan itu, Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi, memohon penangguhan pelaksanaan keputusan itu sementara menunggu rayuan.

Pihak pendakwa turut bertanya mengenai status wang

disita memandangkan tiada perintah perlucutan, tetapi Muhammad Jamil menyatakan beliau tidak boleh mengarahkan wang disita dikembalikan berikutan tidak membuat sebarang perintah mengenai perkara berkenaan.

Muhammad Saifuddin berkata, wang tunai RM114 juta itu kini dalam simpanan Bank Negara (BNM).

Mendengar perkara itu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, yang mewakili Najib, berkata duit berkenaan perlu diserahkan kepada anak guamnya berikutan mahkamah menolak permohonan pemohon.

"Apabila wang diserahkan, terpulung pada Najib dan UMNO untuk mengambil bahagian masing-masing seperti yang dirampas di Pavilion Residence

Muhammad Shafee Abdullah, Peguam Najib



Pada 2019, pendakwa memfailkan permohonan pelucutan terhadap Obyu Holdings untuk melucut hak barangan merangkumi 11,991 unit barang kemas, 401 utas jam tangan dan 16 aksesori jam tangan, 234 pasang cermin mata serta 306 beg tangan dan wang tunai berjumlah RM114,164,393.44.

UMNO dan Najib adalah pihak ketiga dalam permohonan itu. Mana-mana pihak ketiga mendakwa mempunyai kepentingan ke atas barangan dirampas boleh hadir di mahkamah untuk mengemukakan alasan mengapa barangan itu tidak boleh dilucut hak kepada kerajaan.

Sementara itu, Muhammad Shafee ketika ditemui media berkata, pihaknya akan menyerahkan surat kepada pendakwa raya dalam tempoh 24 jam bermula semalam supaya wang RM114 juta dilepaskan kepada Najib dan UMNO.

"Apabila wang diserahkan, terpulung pada Najib dan UMNO untuk mengambil bahagian masing-masing seperti yang dirampas di Pavilion Residence," katanya.

Ditanya sama ada wang itu perlu diserahkan kepada pihak ketiga, walaupun tiada sebarang perintah dikeluarkan mahkamah, Muhammad Shafee menjawab, "Pendakwa perlu menyerahkan wang itu".